

04/01/2000

Muzium Samudera tambah produk pelancongan Melaka

Muhammad Zaidee Daut

PEMBUKAAN semula Muzium Samudera di Jalan Quayside, Bandar Hilir sejak 16 November lalu menambah lagi produk pelancongan yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan industri pelancongan.

Ini selaras hasrat Ketua Menteri Melaka yang baru, Datuk Wira Mohd Ali Rustam untuk menjadikan negeri ini sebagai negeri pelancongan yang terkenal di negara ini.

Muzium berbentuk replika Kapal Portugis yang dikenali dengan nama `Nau' iaitu Flor De La Mar itu diperbuat daripada konkrit yang disalut dengan dinding kayu jenis cengal dan resak.

Replika berukuran 110 kaki panjang dan 22 kaki lebar itu diubahsuai pada bahagian dalamnya untuk dijadikan muzium dengan bentuk kapal yang menggunakan layar berbentuk segi tiga atau layar empat segi.

Kurator Muzium Samudera, Burhanudin Bachik, berkata kerja membina muzium berkenaan mula dilaksanakan pada Februari 1992 dan siap sepenuhnya pada Oktober 1993.

Katanya, muzium itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 13 Jun 1994 dan kerja membaik pulih serta penyusunan pameran dilakukan mulai 2 Januari 1999 sehingga 16 November 1999.

"Konsep pameran muzium ini ialah berkisar mengenai sejarah kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka sebagai pusat perdagangan dan pengumpulan bahan perdagangan yang terulung di dunia sebelah timur sehinggalah kepada kejatuhan Melaka kepada Portugis pada 1511.

"Ia juga mempamerkan sejarah kesamuderaan Melaka dalam empat era iaitu era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka bermula 1400-1511, era Portugis (1511-1641), era Belanda (1641-1795) dan era British (1824-1957) sehinggalah kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957," katanya.

Menurut Burhanudin, turut dipamerkan ialah rempah ratus, diorama, audio visual, lukisan, peta lama, model kapal dan artifak berkaitan maritim di Melaka.

Selain itu, katanya, muzium itu juga mengingatkan kepada pengunjung bahawa hilangnya kuasa politik, maka masyarakat juga akan kehilangan segala-galanya.

"Pengunjung yang datang ke muzium ini akan dikenakan bayaran untuk memasuki keseluruhan Kompleks Muzium Maritim ini dengan kadar bayaran sebanyak RM 2.00 bagi dewasa dan 50 sen untuk kanak-kanak dan pelajar sekolah.

"Waktu pembukaannya pula ialah setiap hari bermula dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang kecuali pada setiap Selasa dan pengunjung boleh memasuki kawasan Kompleks Maritim yang meliputi Muzium Samudera Fasa 1, Muzium Samudera Fasa 11, Muzium TLDM dan Muzium Kapal Ex-KD Sri Terengganu," katanya.

Menurut Burhanudin, Perzim menganggarkan seramai 20,000 pelawat akan mengunjungi sekitar kawasan kompleks muzium berkenaan pada setiap bulan berdasarkan kepada sambutan yang diterima sejak ia mula dibuka.

Katanya, pembukaan semula muzium itu juga melengkapkan keseluruhan Kompleks Muzium Maritim yang mengandungi empat muzium iaitu Muzium Samudera Fasa 1, Muzium Samudera Fasa 11, Muzium TLDM dan Muzium Kapal Ex-KD Sri Terengganu.

(END)